

Pelayaran kapal laut jemaah haji

UTUSAN MALAYSIA 08/08/2019 M/S 15

Oleh **MOHD. SAIFUL SAHAK**
pengarang@utusan.com.my

MENUNAIKAN ibadah haji iaitu rukun Islam kelima adalah kemuncak bagi setiap umat Islam.

Pada awal 1786 sehingga 1976, rata-rata jemaah haji dari seluruh pelosok dunia termasuk Tanah Melayu menggunakan kapal laut sebagai pengangkutan utama ke tanah suci Mekah untuk menunaikan ibadah berkenaan.

Bagi jemaah haji yang kurang berkemampuan, proses menyimpan wang untuk membayar kos tambang haji adalah sulit. Caj kapal ialah RM1,150 untuk kelas 1, RM1,063 untuk kelas 2 dan RM941 bagi kelas 3.



AHLI keluarga dan sanak-saudara memenuhi jeti Pelabuhan Klang, Selangor untuk mengucapkan selamat jalan kepada ahli keluarga terdekat mereka yang berlepas ke Jeddah, Arab Saudi dengan menggunakan Kapal Malaysia Raya pada 30 Oktober 1973.



JEMAAH haji dari Melaka (dari kiri) Jantan Kassim, Khatib Latif, Abdul Manan dan Mohd. Rashid Ahmad berbual di atas dek kapal Malaysia Raya ketika dalam perjalanan dari Pelabuhan Klang, Selangor ke Mekah pada 1970an.

Ada yang terpaksa menggunakan hasil tabungan, menggadai barangan kemas dan menjual hasil tanaman serta ternakan. Malahan ada sanggup berhutang sehingga mengambil masa yang lama untuk membayar balik, kerana nilai tiket tambang ke tanah suci ketika itu adalah mahal.

Memetik catatan Arkib Negara, pada 1821, seorang hartawan Arab di Singapura merupakan orang pertama dilantik menjadi ejen syarikat pelayaran kapal haji di Pulau Pinang.

Selepas beberapa tahun beroperasi, sebuah syarikat Inggeris Alfred Holt telah menawarkan perkhidmatan kepada hartawan itu supaya menyerahkan syarikat perkapalan tersebut dengan menjanjikan faedah RM10,000 (nilai mata wang kini) bagi setiap jemaah haji yang menggunakan perkhidmatan kapal tersebut.



AKHBAR Utusan Malaysia memuatkan berita bertajuk LUTH tunggu tawaran melaporkan pembatalan kapal Ratu Timur milik Great Malaysia Lines di saat-saat akhir. Pembatalan itu ekoran kerugian syarikat tersebut yang dijadualkan belayar membawa 1,000 jemaah berbanding 1,700 sebagaimana lazimnya pada 21 April 1977.

Kapal pertama menjadi kapal haji dari Pulau Pinang adalah kapal Tyndareus yang asalnya adalah kapal perang yang diubah suai selepas tamatnya Perang Dunia Kedua pada 1949.

Ia dilengkapi dengan bot penyelamat di kedua-dua belah kapal, klinik, serta terdapatnya sistem siar raya. Kapal ini boleh memuatkan sehingga 2,500 orang jemaah haji.

Pada 1954, kapal Tyndareus telah dilupuskan. Sebuah lagi syarikat perkapalan berminat untuk menawarkan perkhidmatan pengangkutan jemaah haji iaitu The China Navigation Company.

Syarikat ini asalnya terlibat dalam operasi mengangkut buruh kasar dari Singapura, In-

KAPAL MALAYSIA RAYA



Mei 1974 ketika sedang berlabuh di Teluk Katong, Singapura dan akhirnya, tenggelam.

MALAYSIA RAYA

Malaysia Raya adalah milik Messageries Maritimes juga digunakan bagi perkhidmatan Indo-China-

Pacific dan telah dilancarkan pada 21 Disember 1952.

Pada 1971, Malaysia Raya juga dibeli oleh Great Malaysia Line untuk dijadikan kapal haji.

Kapal ini juga mengalami nasib yang sama dengan Malaysia Kita iaitu terbakar pada 23 Ogos 1976 di Pelabuhan Kelang dan tenggelam.

KAPAL TERBANG

Ekoran dua insiden itu, sistem penerbangan diperkenalkan oleh Tabung Haji yang memutuskan 1976 sebagai tahun terakhir jemaah haji menggunakan kapal laut.

Menerusi pembaharuan ini, urusan untuk menunaikan ibadah di tanah suci dengan menaiki kapal terbang menjadi lebih mudah, selesa dan menjimatkan masa perjalanan.

Lebih penting, jika dahulu pelayaran menggunakan kapal laut mengambil masa kira-kira dua minggu tetapi dengan kapal terbang ia hanya antara lapan hingga sembilan jam sahaja untuk tiba sama ada Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz, Jeddah atau Lapangan Terbang Putera Mohammad Abdulaziz, Madinah.

donesia dan kawasan sekitar sebelum diubah suai menjadi kapal haji.

Kapal-kapal tersebut ialah Anshun dan Anking.

Pada 1960an, The China Navigation menambah lagi sebuah kapal haji yang dikenali sebagai kapal Kuala Lumpur. Ini menjadikan tiga buah kapal membawa jemaah haji secara serentak pada ketika itu.

Pada 1967, kapal Anking dilupuskan dan hanya tinggal Anshun dan Kuala Lumpur. Pada 1971, syarikat kapal China itu menarik diri daripada urusan perkapalan haji dan tugas ini diambil alih oleh The Great Malaysia Line.

The Great Malaysia Line menggunakan dua kapal haji iaitu Malaysia Kita dan Malaysia Raya.

MALAYSIA KITA

Asalnya kapal ini dilancarkan pada 14 Oktober 1951 bagi perkhidmatan wilayah Indo-China-Pasifik.

Pada 1967, kapal ini dibeli oleh syarikat Great Malaysian Lines dan namanya ditukar kepada Malaysia Kita bagi mengangkut Jemaah Haji ke Jeddah.

Nasib malang menimpa kapal ini apabila ia terbakar pada 12

MOMEN & MEMORI

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak Hussein menyaksikan model kapal haji Malaysia yang baharu di Kuala Lumpur pada 1971. Turut kelihatan Menteri Penerangan, Tan Sri Senu Abdul Rahman (kanan), Pengerusi LUTH, Datuk Hussein Nordin (tiga dari kiri) dan Ahli Lembaga Perkapalan, Tan Sri Syed Jaafar Albar.

